

STRATEGI DAN CIRI KESANTUNAN BERBAHASA JEPUN

Zainol Abidin Kasim dan Jaafar Jambi

Abstrak

Kajian ini merupakan satu kajian pragmatik yang menumpukan penganalisisan ungkapan kesantunan berbahasa semasa interaksi verbal dalam kalangan orang Jepun. Pengguna bahasa Jepun yang difokuskan di dalam kajian ini ialah tenaga pengajar dari Jepun yang mengajar di Ambang Asuhan Jepun (AAJ), Pusat Asasi Sains, Universiti Malaya. Data kajian ini diperolehi daripada hasil soal selidik melalui rakaman, catatan dan pemerhatian semasa mesyuarat bersama tenaga pengajar Jepun sewaktu bertugas dengan mereka. Perspektif kajian ini berasaskan kajian Leech dan juga kajian lampau Osamu Mizutani. Hasil kajian ini memperlihatkan bahawa penutur saling bekerjasama dalam mengamalkan kesantunan berbahasa ketika berinteraksi sesama mereka. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif dan tumpuan utama kepada prinsip kesopanan berdasarkan Leech. Hasil dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa penutur-penutur Jepun menggunakan unsur-unsur kesopanan dalam komunikasi mereka.

Abstract

This study is a pragmatic study which focuses on linguistic politeness and conversational styles of Japanese native speakers in verbal interactions. The Japanese speakers in this study comprise the teaching staff from Japan in Ambang Asuhan Jepun (AAJ), Pusat Asasi Sains, University Malaya. The data for this study is collected from recordings, field notes and observations taken during staff meeting. The perspectives adopted in this study are based on the studies of relevant linguistic scholars such as Leech and the works of Osamu Mizutani. The study focuses on linguistic politeness of Japanese language, showing their

politeness when interacting among the speakers. The methodology used in this study is the qualitative method based on Leech. The result of this study indicates that the Japanese speakers are cooperative and practice politeness strategies throughout their interaction.

PENDAHULUAN

Interaksi secara verbal antara satu sama lain dalam kehidupan sehari-hari merupakan aktiviti yang paling penting. Penggunaan bahasa yang teratur, bersopan dan mudah difahami akan mewujudkan suasana komunikasi yang berhemah antara satu sama lain. Keperluan menjaga pertuturan adalah penting kerana jika tersilap mengeluarkan kata-kata akan membawa akibat yang buruk. Oleh itu, kita perlu berhati-hati dan menjaga kesantunan berbahasa ketika berinteraksi dengan orang lain untuk mengelakkan salah faham atau tanggapan kurang bersopan oleh orang lain terhadap kita.

Dalam sesebuah masyarakat, sebagai contoh masyarakat Melayu, jika tidak dipraktikkan amalan berbudi bahasa, mereka akan dianggap sebagai orang yang tidak bersopan. Apabila bertutur dengan orang lain, aspek yang perlu dijaga ialah ketertiban berbahasa dan berusaha mengelakkan timbulnya konflik antara penutur dengan pendengar. Begitu juga sewaktu menerima maklum balas, kita juga perlu meneliti maksud yang ingin disampaikan supaya tidak timbul salah faham atau syak wasangka. Jika timbul salah faham dalam sesuatu interaksi verbal itu, sudah tentu hajat dan mesej yang hendak disampaikan tidak akan berjaya. Ini juga akan mengakibatkan penutur itu melanggar prinsip-prinsip kesopanan yang diamalkan.

Kajian ini bertujuan untuk meneliti sejauh manakah kesantunan berbahasa wujud dalam bahasa Jepun semasa mesyuarat dalam kalangan pengajar berbangsa Jepun di AAJ. Seterusnya, untuk mengenal pasti ciri-ciri kesantunan berbahasa serta strategi yang digunakan dalam interaksi verbal semasa mesyuarat berlangsung di AAJ.

Latar Belakang Sampel Kajian

Sampel yang dipilih untuk kajian ini ialah mesyuarat yang diadakan di Ambang Asuhan Jepun (AAJ) yang dikendalikan sepenuhnya oleh tenaga pengajar berbangsa Jepun dalam bahasa Jepun. Mesyuarat yang dikendalikan oleh orang Jepun selalu mengikut masa yang telah ditetapkan. Biasanya 30 minit hingga satu jam diperuntukkan untuk sesuatu mesyuarat. Mereka akan berhenti apabila masa sudah tamat dan menanggukannya ke

hari yang lain sekiranya perbincangan tidak dapat dihabiskan dalam tempoh yang ditetapkan.

Pelantikan pengerusi dan pencatat minit dibuat lebih awal. Ketua atau majikan mereka tidak dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan mesyuarat. Inilah satu perbezaan besar jika dibandingkan dengan amalan budaya bermesyuarat di Malaysia. Pengerusi mesyuarat sebagai orang yang berkecuali dan bertindak sebagai pengerusi majlis. Penentuan sesuatu keputusan akan dibuat oleh ketua atau orang yang terlibat dengan sesuatu rancangan atau aktiviti tersebut. Pencatat minit mesyuarat juga dilantik lebih awal, bukan pada waktu mesyuarat. Tugas pencatat minit adalah untuk mencatatkan isi penting agenda perjalanan mesyuarat. Biasanya, agenda mesyuarat akan diedarkan dan disebut sebelum dibincangkan.

Dalam mesyuarat keseluruhan tenaga pengajar (*shokuin kaigi*), semua pengajar termasuk guru bahasa Jepun dan guru subjek dimestikan hadir kecuali yang sakit atau yang ada sesuatu perkara yang tidak dapat dielakkan. Mesyuarat lain ialah mesyuarat sesama guru bahasa Jepun sahaja (*gakka kaigi*) dan beberapa mesyuarat kecil seperti mesyuarat penentuan jadual waktu, perbincangan pengajaran atau yang berkaitan dengan ujian dan peperiksaan. Mesyuarat sesama guru bahasa Jepun tahun satu dan tahun dua (*gakka kaigi*), dan mesyuarat kecil yang lain biasanya diadakan pada waktu pagi atau petang hari pengajaran, iaitu semasa tiada kelas tutorial atau kuliah bahasa Jepun. Mesyuarat sebegini biasanya diadakan di bilik mesyuarat pengajar atau di bilik mesyuarat Ambang Asuhan Jepun.

Tujuan mesyuarat tersebut adalah seperti membincangkan cara menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan kurikulum, pengajaran, masalah pelajar, membincangkan hal-hal peralatan pengajaran, penyediaan peperiksaan, mengenai keputusan peperiksaan, aktiviti kokurikulum pelajar dan hal-hal yang berkaitan dengan lawatan pelajar-pelajar sekolah atau universiti dari Jepun.

METODOLOGI KAJIAN

Oleh sebab penulis juga bertugas di tempat yang sama dengan responden, agak mudah untuk menjalankan rakaman dan kajian. Data yang dikumpulkan tertumpu pada interaksi verbal yang berkaitan dengan pengajar-pengajar orang Jepun di AAJ. Interaksi verbal yang dimaksudkan ialah hasil rakaman mesyuarat yang telah dijalankan oleh mereka. Data dikumpulkan dengan pelbagai kaedah, iaitu rakaman, catatan dan pemerhatian. Pita rakaman diletakkan di tempat yang sesuai, mendengar

semula rakaman yang dijalankan berulang kali, merekodkan rakaman tersebut dan mentranskripsikannya untuk dianalisis.

Pengumpulan data secara rakaman audio dilakukan dengan kebenaran bersyarat. Syarat yang dikenakan ialah segala nama si penutur tidak ditulis nama sebenar atau nama penuh. Hanya dibenarkan menulis pangkal nama sahaja. Contohnya nama Yamaguchi ditulis dengan pangkal Y sahaja.

Adakalanya bahasa yang digunakan oleh mereka memang menarik dengan cara spontan mereka menyelitkan dan menggunakan ungkapan-ungkapan yang bersopan. Kesantunan berbahasa walaupun tidak menjadi amalan sepenuhnya oleh orang Jepun, sedikit sebanyak terdapat dalam interaksi mereka ketika menghujahkan sesuatu perkara yang berkaitan. Mereka sedar rakaman diambil dan disebabkan mereka mengetahui tujuan rakaman mereka tidak berasa terganggu. Rakaman berjalan dengan baik. Walau bagaimanapun, kadangkala suara yang tidak jelas dan gangguan audio lain menyebabkan mutu rakaman kurang memuaskan. Selain rakaman, penulis juga mencatatkan perbualan mesyuarat yang didengar untuk kepastian dan memudahkan penulis ketika mendengar semula rakaman.

Rakaman mesyuarat dijalankan sebanyak lapan kali, tetapi penulis memilih empat kali mesyuarat sahaja untuk ditranskripsikan. Terdapat juga masalah rakaman seperti mutu rakaman suara yang kurang jelas, penggunaan bahasa yang sukar untuk difahami, penggunaan bahasa yang kurang sesuai untuk kajian, gangguan bunyi bising di luar bilik mesyuarat juga timbul, misalnya bunyi orang memotong rumput ataupun hujan, dan ada antara mereka yang agak kekok untuk bertutur apabila menyedari ada rakaman sedang dijalankan.

Kepentingan Kajian

Kajian ini amat penting bagi mengenali budaya berbahasa Jepun dengan lebih dekat. Selama ini, kita hanya dapat melihat dari aspek luarannya, iaitu melalui media cetak dan elektronik untuk mengenali hati budi dan kesantunan orang Jepun. Melalui kajian ini, dapat dilihat sama ada kesantunan berbahasa diamalkan dalam kehidupan sehari-hari, khususnya oleh mereka yang terlibat secara langsung, dan didatangkan khas dari Jepun untuk membimbing pelajar-pelajar Malaysia mengenali budaya mereka melalui pengajaran bahasa Jepun.

Kajian ini penting kerana ia merujuk kepada dunia tanpa sempadan, iaitu globalisasi. Perdagangan antara Jepun dengan Malaysia sememangnya sudah lama terjalin, terutama sejak Dasar Pandang ke Timur dilancarkan

pada tahun 1982. Oleh itu, pengetahuan gaya berbahasa, kesantunan dan budaya Jepun penting untuk merapatkan persahabatan demi mewujudkan persefahaman, terutama dalam urusan pertukaran sosial dan budaya, perdagangan mahupun melalui program yang melibatkan politik. Jika kita tidak mendalami budaya berbahasa orang-orang luar yang mempunyai pelbagai ragam, dibimbangi nanti kita tidak mampu untuk melahirkan masyarakat yang mampu bersaing dengan masyarakat luar dalam segala bidang.

Kesopanan merupakan satu keperluan dalam kehidupan. Ia bukan hanya sebagai gaya pertuturan sampingan. Oleh itu, kajian ini penting untuk memartabatkan lagi penggunaan bahasa yang lebih bersopan supaya dapat dicontohi oleh semua bangsa yang ada di Malaysia. Penulis berharap kajian ini dapat memperlihatkan kepentingan teori-teori pragmatik yang melibatkan kesantunan berbahasa dalam menghasilkan interaksi verbal yang lebih berkesan.

Batasan Kajian

Kajian kes ini merupakan kajian pragmatik yang merangkumi data-data empiris yang dikumpulkan melalui rakaman mesyuarat dan pemerhatian serta catatan ketika mesyuarat pengajar Jepun yang bertugas di AAJ, Pusat Asasi Sains, Universiti Malaya. Mereka merupakan penutur asli bahasa Jepun.

Rakaman dijalankan dengan mendapat kebenaran daripada pengerusi mesyuarat. Kajian ini hanya terbatas kepada bahasa yang digunakan dalam mesyuarat. Kajian ini tidak mengambil kira tentang intonasi dan gerak-geri dalam interaksi peserta.

Permasalahan Transkripsi

Apabila penutur dan pendengar menggunakan sesuatu bahasa ketika berkomunikasi, kadangkala akan wujud salah faham dan tidak memahami akan tujuan atau hajat yang hendak disampaikan. Ini juga merupakan satu masalah yang perlu diatasi ketika mengendalikan sesuatu mesyuarat.

Ini dapat dilihat bagaimana penutur X bertanya sesuatu dan terdapat tiga kemungkinan jawapan yang dijawab oleh penutur Y.

Model 1

X *tannin to housa dochiga ii desuka.*

(yang manakah saudara pilih antara guru kelas atau pembantu kelas?)

Y *eeto..nan desuka*
(ee..apa?)

Model 2

X *tannin to housa dochiga ii desuka.*
(yang manakah saudara pilih di antara guru kelas atau pembantu kelas?)
Y *X san wa tannin nohouga iidesuka.*
(saudara X suka tanninkah?)

Model 3

X *tannin to housa dochiga ii desuka.*
(yang manakah saudara pilih antara guru kelas atau pembantu kelas?)
Y *semesuta ichi wa tanninde, semesuta niwa housa, iikana*
(semester pertama saya pilih guru kelas manakala semester dua saya pilih menjadi pembantu kelas)

Apabila X menyoal sesuatu dalam mesyuarat, seharusnya Y terus menjawab soalan yang ditanya. Tetapi ada juga cara jawapan Y merupakan satu bentuk soalan atau bertanya semula kepada X. Ini menunjukkan Y tidak faham maksud soalan atau tidak tahu apakah yang dikehendaki oleh soalan yang ditanya itu. Ini dapat dilihat dalam Model 1. Manakala Model 2 pula menunjukkan ada maksud tersirat yang hendak disampaikan Y kepada X. Seterusnya, Model 3 pula menunjukkan Y memahami dan terus memberikan jawapan yang dikehendaki oleh X.

Untuk mewujudkan komunikasi yang berterusan, sudah tentu kedua-duanya perlu bekerjasama. Jika dalam mesyuarat yang disertai lebih daripada dua orang, kerjasama semua peserta dalam mesyuarat perlu dijalinan supaya komunikasi dapat dijalankan dengan baik. Bagi Grice (1975), beliau mengharapkan pendengar memberikan maklum balas atau jawapan apabila penutur berkomunikasi dengannya. Apabila penutur mengujarkan sebarang ayat, pendengar tidak boleh berdiam diri sahaja tetapi perlu bekerjasama memberikan maklum balas seperti yang dihajati oleh penutur.

Orang Jepun juga agak unik jika dibandingkan dengan bangsa-bangsa lain di Asia. Walaupun terdapat banyak persamaan dari segi budaya dan amalan, tetapi ada beberapa penggunaan ungkapan bahasa di dalam budaya mereka yang menjadi amalan sehari-hari. Ungkapan sebegini sukar untuk diterjemahkan dengan satu perkataan atau dengan lebih tepat maknanya

dengan bahasa lain khususnya bahasa Melayu. Ini dapat dilihat ketika menjalankan beberapa rakaman mesyuarat.

Contoh ungkapan yang sering diungkapkan mereka ialah:

- (i) *yoroshiku/onegaishimasu* atau *yoroshiku onegaishimasu*
Ungkapan ini sukar untuk diterjemahkan secara langsung. Biasanya, digunakan oleh penutur ketika selesai menyebutkan sesuatu ayat, iaitu di akhir ayat. Ia boleh membawa makna meminta tolong, selamat sejahtera, selamat bermesyuarat atau mengharapkan kerjasama mengenai sesuatu perkara. Maknanya bergantung pada tujuan si penutur. Penggunaan ungkapan ini dapat dilihat di dalam transkripsi mesyuarat.
- (ii) *iidesunel/iidesuyo*
Ungkapan ini juga boleh membawa pelbagai makna, sama ada persetujuan, pengakuan sesuatu perbincangan atau penekanan kepada sesuatu perkara yang dibincangkan. Si penutur akan cuba meyakinkan pendengar mengenai sesuatu perkara itu dan si pendengar biasanya bertindak balas dengan menyebut ungkapan ini.
- (iii) *otsukaresama deshita*
Ungkapan ini jika diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu agak panjang penjelasannya, iaitu “terima kasih atas segala kepayahan dan kesengsaraan ketika menjalankan tugas”. Walau bagaimanapun, ia juga bersifat menjaga kesantunan berbahasa dengan membawa erti berterima kasih. Biasanya dituturkan ketika hendak menamatkan sesuatu mesyuarat atau perbincangan.

Selain itu, penyusunan penterjemahan ke dalam bahasa Melayu dalam transkripsi terpaksa diubahsuai. Penulis tidak mengikut struktur ayat yang mematuhi tatabahasa yang tepat bagi transkripsi penterjemahan ke dalam bahasa Melayu. Ini kerana struktur ayat bahasa Jepun berbeza daripada struktur bahasa Melayu. Ini bertujuan untuk memudahkan mereka yang tidak memahami bahasa Jepun untuk menghayati interaksi verbal yang sebenar. Penulis cuba sedaya upaya menyusun terjemahan bahasa Melayu yang menepati percakapan dalam bahasa Jepun. Walaupun begitu, masih ada beberapa ungkapan dan perkataan yang sukar diterjemahkan secara langsung ke dalam bahasa Melayu.

Bidang pragmatik yang merujuk kepada kesantunan berbahasa perlu diterapkan dalam proses berkomunikasi supaya tidak berlaku salah faham

seperti yang disarankan oleh Rene'J Jorna (1993) bahawa kebanyakan komunikasi manusia merupakan bentuk kerjasama dua peserta berbincang untuk membentuk makna yang dikehendaki atau membentuk salah faham atau sebaliknya.

Pernyataan-pernyataan sebegini telah mendorong penulis untuk memilih kajian pragmatik yang berkaitan dengan interaksi verbal dalam mesyuarat oleh penutur berbangsa Jepun yang bertugas di AAJ.

KERANGKA TEORI

Dalam kajian yang berkaitan dengan komunikasi berteraskan interaksi verbal, pelbagai tokoh telah mengutarakan pandangan hasil daripada kajian masing-masing. Ramai pakar bahasa mempunyai minat yang mendalam mengenai kajian makna dari segi semantik dan pragmatik.

Penulis memilih sarjana yang dianggap dapat memberikan inspirasi dan idea kepada kajian yang diutarakan. Antara sarjana yang menjadi pilihan sebagai rujukan bagi kesantunan berbahasa di dalam kajian ini ialah Leech (1983) dan Osamu Mizutani (1977). Kajian ini diolah secara kualitatif.

Prinsip Kesopanan Leech

Prinsip kesopanan mengaitkan penjalın tersirat yang penting, bukan hanya bermakna baik-baik sahaja tetapi menjalinkan prinsip kerjasama dengan cara mengaitkan maksud dengan kuasa (Leech, 1983). Leech juga mengkaji pandangan Grice (1975) yang berkaitan dengan implikatur perbualan. Menurut beliau, unsur kesantunan mesti diterapkan dan Prinsip Kiasan Terbalik juga perlu dihubungkan. Ketiga-tiga ini pada tanggapan beliau bertindak sebagai "retorik antara perorangan".

Pada pendapat beliau, kelemahan yang terdapat dalam kajian Grice perlu diatasi dan ditokok tambah untuk memberikan kesan yang lebih positif kepada nilai-nilai budaya dalam berbahasa ketika berinteraksi. Leech melihat "retorik antara perorangan" dengan memberikan tumpuan kepada Prinsip Kerjasama antara beberapa maksim pada prinsip kesopanan. Maksim itu ialah Maksim Santun yang akan menjadi salah satu daripada beberapa maksim yang akan menjelaskan pertalian dalam interaksi sesama manusia. Leech mengemukakan prinsip kesopanan untuk mengutarakan bahawa seseorang penutur seharusnya menuruti dan mengamalkan maksim-maksim yang diterapkannya semasa berkomunikasi.

Prinsip Kesopanan, menurut Leech, cenderung untuk berpasangan

seperti diterapkan di dalam maksim-maksim beliau. Maksim-maksim yang diterapkannya ialah maksim santun, murah hati, sokongan, kerendahan hati, persetujuan dan simpati.

Maksim santun (dalam impositif dan komisif) yang wujud di dalam bentuk meminimumkan kos bagi orang lain dan memaksimumkan manfaat bagi orang lain. Manakala maksim murah hati (dalam impositif dan komisif) yang wujud di dalam bentuk meminimumkan manfaat bagi diri sendiri dan memaksimumkan kos bagi diri sendiri. Seterusnya maksim sokongan (dalam ekspresif dan penegasan) yang wujud dalam bentuk meminimumkan cacian terhadap orang lain dan memaksimumkan pujian terhadap orang lain. Manakala maksim kerendahan hati (dalam ekspresif dan penegasan) wujud dalam bentuk meminimumkan pujian terhadap diri sendiri dan memaksimumkan cacian terhadap diri sendiri. Maksim persetujuan (dalam penegasan) pula wujud dengan meminimumkan perbalahan antara diri sendiri dengan orang lain dan memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain. Maksim simpati (dalam penegasan) pula wujud dalam bentuk meminimumkan antipati dengan diri sendiri dengan orang lain dan memaksimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain.

Kesemua maksim ini menggalakkan ungkapan pertuturan yang beradab. Oleh itu, ia dikategorikan sebagai prinsip kesopanan. Bagi melaksanakan sikap hormat yang lebih berkesan, Leech membahagikan fungsi ilokusi yang dihubungkan dengan matlamat sosial. Ia dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu bersaing, beramah-tamah, kolaboratif dan berkonflik. Bersaing, iaitu apabila matlamat sosial seperti ilokusi bersaing dengan matlamat sosial, misalnya ilokusi mendesak, meminta, merayu, memerintah dan sebagainya. Beramah-tamah, iaitu apabila matlamat ilokusi sama dengan matlamat sosial, misalnya mempelawa, menjemput, menyapa, mengucapkan terima kasih ataupun tahniah. Kedua-dua ilokusi di atas, banyak melibatkan kesopanan. Kesopanan ilokusi ini dianggap kesopanan positif yang boleh meningkatkan persahabatan yang baik antara penutur dengan pendengar.

Seterusnya, ilokusi kolaboratif dikaitkan apabila matlamat ilokusi tidak peka terhadap matlamat sosial, misalnya ilokusi menyatakan, melaporkan, mengumumkan atau mengarahkan. Manakala berkonflik, iaitu apabila matlamat ilokusi berkonflik dengan matlamat sosial, misalnya ilokusi mengancam, menuduh, memfitnah ataupun mencela. Bagi jenis ilokusi yang pertama dan kedua memang berkait rapat dengan kesantunan, tetapi jenis ilokusi yang ketiga dan keempat kurang relevan dengan kesantunan. Malah ilokusi keempat tidak ada kesopanan kerana ciri-ciri yang ada padanya boleh menyakitkan dan menyinggung perasaan seseorang.

Leech juga mengemukakan beberapa ilokusi tidak langsung yang lebih bersantun dan seseorang itu boleh membuat pilihan berdasarkan pengurangan kuasa daripada kurang bersantun kepada lebih bersantun. Contohnya ungkapan yang membawa maksud terbalik seperti yang berikut:

- i. Bagus anak-anak awak memanjat tangga seperti memanjat pokok kelapa, tak perlu lagi saya mengupah orang mengait kelapa di kebun.
- ii. Rajinnya isteri awak, selalu ke kedai membeli makanan dan minuman yang telah siap dimasak.

Leech mengaitkan prinsip kesopanan dengan Prinsip Kiasan Terbalik atas persetujuan untuk mengurangkan ketidaksopanan ketika berinteraksi. Biasanya kiasan terbalik dibuat untuk menegur, menasihati ataupun mengkritik seseorang.

Osamu Mizutani

Osamu Mizutani (1981) seorang sarjana bahasa Jepun telah menulis tentang *keigo* atau bahasa sopan orang-orang Jepun. Kajian beliau bersama Nobuko Mizutani telah menghasilkan banyak penulisan berkaitan dengan cara pengungkapan bersantun di dalam bahasa Jepun. Buku-buku hasil kajian mereka telah menjadi panduan kepada pelajar dan juga pengkaji bahasa Jepun.

Menurut Mizutani, *keigo* atau bahasa sopan boleh dilihat dari pelbagai aspek. Banyak sekali perbezaan yang ada dari zaman sebelum Perang Dunia Kedua dan selepasnya. Jika dahulu perkataan-perkataan dan ungkapan bersantun cuma dirujuk kepada Maharaja Jepun dan keluarganya sahaja tetapi sekarang ia digunakan dalam kehidupan sehari-hari, sama ada di dalam laporan media massa, percakapan mahupun perbincangan sesama mereka.

Mizutani berpendapat, dalam pergaulan sehari-hari, mereka berinteraksi dengan memberikan penekanan kepada kata, ungkapan dan penggunaan ayat yang bersopan berdasarkan konteks, jenis kumpulan atau siapa pendengarnya. Pelawan cakap penting bagi orang Jepun kerana usia, pangkat atau kedudukan di dalam syarikat, institusi mahupun keluarga menjadi faktor penting untuk membezakan cara penggunaan perkataan atau ungkapan bersantun di dalam berinteraksi.

Beberapa contoh yang diberikan Mizutani (1987:3 – 4) berkaitan dengan cara memilih ungkapan yang sesuai apabila berinteraksi mengikut konteks adalah seperti yang berikut:

1. Jika pertama kali bertemu seseorang yang belum dikenali dan ingin memperkenalkan diri biasanya digunakan ungkapan bersopan:
hajimemashite. Jonson desu. Douzo yoroshiku.
(Selamat berkenalan, saya Johnson dan gembira bertemu saudara.)
2. Ungkapan permulaan ketika menelefon:
moshimoshi, Jonson desu
(Helo, saya Johnson.)
atau,
moshimoshi, Jonson de gozaimasu.
(Helo, saya Johnson.) (lebih bersantun)
3. Ungkapan apabila memulakan perbualan dan ketika mengemukakan cadangan kepada orang lain:
anou (ee, berfikir sejenak)
ano ne (ee, begini)
moshi-moshi (helo – untuk telefon)
chotto (sekejap, sebentar)
sumimasen (minta maaf)
sumimasenga (maafkan saya tetapi ...)
otesuu wo kakemasuga ... (maafkan saya kerana mengganggu)
oisogashii tokoro sumimasenga ... (maaf mengganggu pada waktu sibuk)

Selain itu, ada juga digunakan kata ucap selamat sebagai pembuka kata sewaktu memulakan interaksi seperti *konnichiwa* (selamat tengah hari atau petang, iaitu sebelum gelap), *kombanwa* (selamat petang atau malam, iaitu ketika hari menjadi gelap), *gomen kudasai* (maafkan saya ketika mengetuk pintu atau sebelum masuk ke dalam rumah).

Meminta maaf dan berterima kasih, mengucapkan kesyukuran dan juga meminta diri adalah seperti *sumimasen* (minta maaf dan ada kalanya membawa maksud terima kasih, iaitu ketika menerima cenderahati atau buah tangan), *arigatou gozaimasu* (terima kasih), *doumo arigatou gozaimasu* (terima kasih banyak-banyak), *gochisou sama deshita* (terima kasih di atas hidangan makanan tadi), *shiturei shimashita* (minta diri ketika ingin beredar atau pulang) dan *ojamashimashita* (terima kasih dan maaf kerana mengganggu tadi, iaitu ungkapan sebelum beredar atau pulang). Kesemua contoh ungkapan permulaan ini akan disusuli dengan pertanyaan khabar dan juga interaksi verbal mengikut tujuan komunikasi oleh penutur dan pendengar.

Menurut Mizutani, faktor umur juga memainkan peranan penting dalam menentukan gaya pertuturan seseorang Jepun. Di peringkat sekolah, pelajar akan mula menggunakan bahasa biasa yang sering dituturkan oleh semua orang. Mereka akan mula meniru cara penyampaian yang digunakan oleh guru dan orang yang lebih tua dan membuat latihan bertutur bersama di dalam kelas dan di luar kelas. Apabila di rumah, penggunaan kata panggilan untuk ibu dan bapa juga mempunyai sebutan tertentu. Panggilan kepada ibu sendiri, mereka menyebut *haha* dan apabila memanggil dengan bahasa sopan mereka menyebut *okaasan*. Manakala bapa sendiri pula disebut *chichi* tetapi apabila memanggil dengan bahasa sopan mereka menyebut *otousan*.

Orang Jepun khususnya pelajar dan pekerja syarikat menghormati penggunaan budaya *senpai*, *kouhai* yang bermaksud orang lebih tua atau lebih muda. Jika mereka seorang pelajar, mereka akan hormat pelajar yang lebih tua daripada mereka walaupun perbezaan umur cuma setahun. Begitu juga di tempat kerja. Kakitangan yang baru bekerja akan menghormati pekerja yang lebih lama berkhidmat dan jarang membantah di atas sesuatu arahan tugas rasmi atau tidak rasmi. Kakitangan syarikat mahupun kerajaan di Jepun masih lagi mengamalkan konsep *senpai*, *kouhai* sehingga kini.

Menurut Mizutani, apabila membandingkan perkataan *kouhai* dan *senpai*, dua faktor penting menjadi pemisah antara dua ungkapan ini, iaitu umur dan taraf sosial. Seseorang *senpai* yang berumur lebih muda daripada *kouhai* agak sukar untuk mereka bertutur dengan menggunakan bahasa biasa kerana umur mereka lebih muda daripada *kouhai*. Ini kerana mereka juga menghormati umur seseorang. Oleh itu, mereka mesti memilih satu tahap kesantunan berbahasa yang sesuai dengan pendengar apabila bertutur.

Hubungan sosial terutama dari segi pekerjaan mempengaruhi interaksi verbal orang-orang Jepun. Hubungan antara majikan dengan pekerja, pengguna dengan jurujual ataupun guru dengan murid. Hubungan ini lebih dikenali sebagai *hubungan profesional* (Mizutani, 1987:6). Status bahasa yang perlu digunakan hendaklah berdasarkan siapa penutur dan siapa pendengar. Jika seorang majikan, pengguna atau guru mahupun pensyarah tidak semestinya menggunakan bahasa sopan dan dibolehkan menggunakan bahasa biasa atau kasar. Sebaliknya, seorang pekerja biasa, jurujual mahupun pelajar pula perlu menggunakan bahasa sopan ketika berinteraksi dengan orang yang lebih tinggi pangkatnya.

Seterusnya pula, Neustupny (1987) menganggap satu keunikan dalam mengenali budaya dan cara hidup orang Jepun bukan sekadar mengkaji adat resam dan cara hidup mereka sahaja. Perkara yang lebih penting ialah menguasai bahasa Jepun itu sendiri dan cuba melihat masalah yang timbul

ketika berkomunikasi dengan mereka.

Pada pandangan beliau, orang-orang Jepun bukan hanya bertutur dengan lebih bersopan tetapi mereka sebenarnya peramah, tulus dan jujur seperti kebanyakan bangsa lain di dunia ini. Masalah berkomunikasi dengan orang Jepun tidak akan timbul jika orang itu dapat menguasai bahasa mereka dengan baik dan menganggapnya sebagai satu pengalaman yang menarik dan bukannya menyusahkan. Ini ditegaskan oleh beliau, bahawa:

“Berkomunikasi merupakan suatu pengalaman yang menyeronokkan. Berkomunikasi dengan orang Jepun tidaklah selalu menimbulkan masalah. Ramai orang berjaya memperoleh faedah rohani dan jasmani serta mendapat kepuasan diri.” (Neustupny, 1987:3)

Cara berkomunikasi orang Jepun seperti mana bahasa-bahasa lain mempunyai kaitan antara bahasa dengan budaya. Neustupny telah merujuk kepada Dell Hymes dalam melihat konsep dan peraturan komunikasi. Beliau melihat sesuatu komunikasi itu dari sudut komunikasi etnografi.

Menurut beliau, peraturan komunikasi boleh dilihat dari segi keadaan atau konteks berkomunikasi, bahasa yang digunakan untuk berkomunikasi, bila dan di mana berlakunya komunikasi itu, siapa yang terlibat dalam komunikasi itu, bahan apa yang digunakan dalam komunikasi, dalam bentuk apa mesej itu disampaikan, melalui saluran apa sesuatu komunikasi itu disampaikan dan juga keadaan pengurusan komunikasi itu.

Hakikatnya, corak berkomunikasi bertukar mengikut pengaruh sesuatu masyarakat dalam sesebuah komuniti. Banyak atau sedikit berlangsungnya interaksi bergantung pada keperluan penutur dan pendengar. Sebagai contoh, jika berinteraksi dengan *senpai* (orang yang lebih tua), penutur akan mengawal pertuturan dan akan cuba untuk tidak meninggikan suara, atau bercakap dengan nada membantah. Biasanya cara interaksi dengan *senpai* lebih mengamalkan strategi komunikasi secara bersetuju dan memberikan sokongan. Ini adalah untuk mengelakkan konflik.

Setelah melihat pandangan Mizutani dan Neustupny sebagai sarjana bahasa Jepun, dapatlah dilihat beberapa idea yang mempunyai persamaan dan juga perbezaan. Di dalam kajian beliau, Mizutani lebih menjelaskan cara penggunaan kesantunan berbahasa mengikut konteks dan juga faktor umur. Keperluan menghormati antara satu sama lain perlu diberi keutamaan untuk mencapai matlamat komunikasi supaya lebih berjaya. Jika ini dipraktikkan, sudah tentu kehidupan masyarakatnya akan lebih harmonis. Manakala Neustupny pula berpendapat orang Jepun sebagai pengamal budaya berbahasa yang terunggul tetapi mereka sering menggunakan konsep

aizuchi atau diamkan diri walaupun sesuatu perkara yang dituturkan itu meragukan.

ANALISIS DATA

Analisis data menerusi rakaman mesyuarat merupakan tumpuan utama untuk melihat penggunaan prinsip kesantunan bahasa Jepun. Rakaman kajian ini dijalankan ke atas 30 orang pengajar Jepun di AAJ. Cara kualitatif digunakan untuk menganalisis data yang dikumpulkan.

Analisis ini tertumpu kepada interaksi verbal dan fokus utama adalah untuk menganalisis data rakaman mesyuarat yang telah dipilih. Semua komunikator yang terlibat dalam transkripsi dilambangkan dengan huruf abjad tertentu secara pilihan dan tidak ada kaitan dengan nama sebenar mereka.

Ia akan dianalisis berteraskan strategi kesopanan. Penulis akan melihat sejauh manakah interaksi verbal yang terdapat dalam mesyuarat itu dapat menggambarkan kesantunan berbahasa pengajar-pengajar berbangsa Jepun yang terlibat. Analisis ini perlu untuk melihat sejauh manakah pengajar-pengajar Jepun di AAJ mengamalkan cara berinteraksi mengikut ketetapan dalam budaya kehidupan harian mereka.

Strategi Kesopanan

Petunjuk maksim-maksim yang ditekankan oleh Leech (1983) digunakan di dalam analisis ini. Leech menekankan Prinsip Kesopanan yang berteraskan maksim santun, maksim murah hati, maksim sokongan, maksim kerendahan hati, maksim persetujuan dan maksim simpati. Strategi berdasarkan petunjuk maksim ini ditambah lagi dengan strategi kesantunan yang dikemukakan oleh Mizutani (1981, 1987) dan strategi kesopanan secara penggunaan *aizuchi* digunakan sebagai panduan analisis data di dalam kajian ini.

Maksim Santun

Menjaga adab dalam sesuatu interaksi dilaksanakan dengan cara yang bersopan di kalangan penutur Jepun. Penutur asli Jepun sering meminta maaf apabila ingin mencelah, memberi pendapat, menegur, menyoal dan membuat pengakuan. Cara penggunaan ungkapan maaf juga diikuti dengan jeda. Amalan-amalan strategi ini dapat dilihat dalam petikan yang berikut:

Contoh 1: (Transkripsi 1)

J, K: *sounaruto/iidesune ...*

J, K: jika ini berlaku/ alangkah bagusnya ...

Y: *sumimasen/ iideshouka?*

Y: minta maaf/bolehkah?

Ujaran di atas, merujuk kepada tindak balas *sumimasen*, iaitu tanda mengawal kesantunan ketika berinteraksi atau menyambung percakapan.

Contoh 2: (Transkripsi 1)

O: *yoteitoshitewa/ kotoshimo yarukotoni kimemashitane/ yarimashou/ tada jikanga kyonento douyoude kimatsuno kouhan no houga iideshou.*

O: mengikut jadual/ tahun ini juga telah ditetapkan untuk dijalankan/ mari kita jalankan/ cuma masa seperti tahun lepas iaitu akhir semester 2 masa yang paling sesuai?

M: *sou desuka//*

M: yakah//

Ujaran di atas, merujuk kepada tindak balas *sou desuka*, iaitu menyatakan ya tetapi dalam situasi agak kurang berpuas hati. Walau bagaimanapun, tindak balas sebegini merupakan satu strategi oleh penutur supaya dapat menarik perhatian peserta mesyuarat yang lain untuk memberikan pendapat secara lebih bersopan.

Contoh 3: (Transkripsi 1)

U: *eeto::tsuika nyuugakuno kenwa JPA karano iraide/ warewareno kyouinno anmo awasete hoshiito/ atode AAJno ofisuni hanashite kimasu.*

U: ee::untuk pertambahan kemasukan pelajar iaitu permintaan daripada JPA/ kita semua sama-sama mengemukakan cadangan/ selepas itu beritahu kepada pejabat AAJ.

O: *sou desune/ onegaishimasu.*

O: yalah/ minta tolong (untuk kerjasama).

Ujaran di atas menunjukkan U bertanya kepada ketua guru Jepun, iaitu Encik O berkaitan dengan penambahan kemasukan pelajar dan Encik O merujuk kepada penggunaan strategi kesopanan dengan menggunakan ungkapan *onegaishimasu* untuk meminta kerjasama daripada Encik U dan

guru-guru lain untuk merujuk perkara yang berkaitan. Orang Jepun boleh dikatakan tidak lekang dari bibir mereka menggunakan ungkapan *onegaishimasu* ini. Ungkapan *onegaishimasu* bermaksud meminta tolong mengenai sesuatu perkara kepada orang lain.

Contoh:4 (Transkripsi 1)

M: *sumimasen/ wasurete itandesuga eeto:: hachigatsuni monkashou kara suugaku/ butsurui/ kagaku/ nihongo/ eigono mondai sakuseini kansuru kaigiga arimasu/ sono uchiawase wo raishuuno kayoubino yotei shite imasunode/ minasan yoroshiku onegaishimasu.*

M: minta maaf/sudah terlupa/ee:: bulan Ogos nanti berkaitan pembinaan soalan peperiksaan “monbukagakushou” bagi matematik/ fizik/ kimia/ bahasa Jepun/ bahasa Inggeris / minggu hadapan akan diadakan perbincangan/ diharap dapat kerjasama daripada semua.

Berdasarkan ujaran di atas, penggunaan ungkapan *sumimasen* dalam konteks ini merujuk kepada makna *maafkan saya*. Digunakan sebagai ungkapan awal, iaitu ketika ingin bertanya atau menarik perhatian pendengar. Tujuannya supaya tumpuan diberikan kepada penutur dan memberikan peluang untuk berinteraksi seterusnya. Mengikut Mizutani (1987:37), selain membawa maksud *maafkan saya*, ungkapan ini juga membawa maksud *terima kasih* yang lebih bersifat merendah diri jika dibandingkan dengan penggunaan ungkapan *doumo arigatou gozaimasu*.

Ungkapan *yoroshiku onegaishimasu* ialah strategi penunjuk maksim santun yang merujuk kepada meminta tolong dan mengharapkan semua yang terlibat dapat bekerjasama untuk menghadiri mesyuarat yang akan datang.

Dalam transkripsi yang dilampirkan, ungkapan-ungkapan ringkas sebegini banyak digunakan secara berulang kerana orang Jepun sudah dibudayakan dengan penggunaan bahasa sopan ketika berinteraksi. Mereka tidak berasa janggal dan secara spontan menggunakan ungkapan-ungkapan tersebut.

Penggunaan ungkapan *to omou* atau *to omoimasu* bermaksud saya fikir atau saya berpendapat, sama ada di pertengahan ujaran atau di akhir, banyak terdapat di dalam data yang diperoleh. Ini juga merupakan satu strategi yang bijak menggunakan maksim santun.

Contoh 5: (Transkripsi 2)

- M: *donna geemu wo suruka/ soremo daijidato omou/=*
 M: jenis permainan yang macam mana akan dijalankan/ itu juga perkara yang penting perlu difikirkan/=
- T: *=[sou desune/ jikanto gakuseino ninzuuno kankeimo arukara doujini ippai dekiru supoutsuga iito omou]*
- T: *=[Begitulah/ masa dan bilangan pelajar menjadi faktor penting dan kalau boleh dijalankan acara sukan yang boleh melibatkan bilangan yang ramai]*

Daripada petikan di atas, dapat dilihat kedua-dua penutur dan pendengar menggunakan *to omou* dalam interaksi mereka. Ini bertujuan supaya mereka tidak memaksa atau memutuskan sendiri tentang perkara itu bahawa ia mesti dilakukan sedemikian tetapi berpendapat atau berfikir bahawa ia boleh dilakukan sebegini atau sebegini. Contoh-contoh petikan ujaran di bawah juga mempunyai tujuan yang sama untuk menunjukkan keberkesanan strategi kesopanan yang berasaskan penyelitan ungkapan *to omoimasu*.

Contoh 6: (Transkripsi 2)

- U: *mineraru woutaa wo youi surundesuga/ okashiwa imamade nakattandesu/ tokuni hitsuyouga nai to omou// gakuseiwa ohirumo tabeterushi/ sorekara yosanmo nai to omoundesuga.*
- U: minuman “mineral water” akan disediakan/ tetapi sebelum ini kita belum pernah menyediakan makanan ringan/ lagipun pelajar-pelajar sudah makan tengah hari/ dan juga saya fikir belanjawan untuk itu tidak ada.
- N: *wakarimashita/ soreja ii desu.*
- N: kalau begitu saya faham/ tak mengapa.
- K: *tsugiwa donna supoutsu wo suruka/ korekara gosoudan wo shimashou// minasan dou omoimasuka?/ mata tsunahiki to bareebooru wo surundesuka mata hokano motto omoshiroi supootsu wo surundesuka/ zehi an wo ...*
- K: seterusnya mari kita berbincang apakah jenis sukan yang ingin dijalankan nanti/ bagaimana pandangan saudara-saudari?/ adakah kita masih jalankan acara tarik tali dan bola tampar atau jalankan acara lain yang lebih menarik/ diharapkan semuanya:

Contoh 7: (Transkripsi 2)

- O: *etoo::tsunahikino dougu nara nihonjingakkou karamo*

karirarerunode/ daijoubuda to omoimasuga// hayameni bukkingu shinai to damedesuyo.

- O: ee::alatan tarik tarik tali, kita boleh pinjam dari Sekolah Jepun/ dan saya fikir tidak ada masalah/tetapi mesti buat tempahan awal jika tidak tak dapat.
- D: *wakarimashita/ demo onnano hitowa tsunahiki/ daijoubu deshoukane?*
- D: saya faham/ tetapi pelajar perempuan/ tidak menjadi masalahkah untuk acara tarik tali?

Contoh 8: (Transkripsi 4)

- T: *ha/ha/ha/ha// konoaida kureyonshinchanno manga wo mottekitandesuga// chotto yokunai kotobaga detekite gakusei wo warawasemashitagall a iu mangamo chotona to omoimasu ...*
- T: ha/ha/ha/ha/(ketawa) sebelum ini ada yang membawa komik kuriyonshinchan tetapi ada beberapa perkataan yang kurang sopan pelajar pun ketawa// komik seperti itu tidak berapa ...
- U: *minasan/chuui shite kudasai//wareware sensei desukara ...*
- U: semua/ harap berhati-hati// kita semua adalah guru ...

Kesemua contoh petikan di atas menunjukkan penggunaan *to omoimasu* dalam interaksi. Ini menunjukkan bahawa penunjuk maksim santun Leech digunakan oleh pengajar Jepun dalam mesyuarat. Mereka mempraktikkan strategi ini bukan hanya sekali tetapi beberapa kali.

Maksim Murah Hati

Strategi ini menekankan cara memberikan tawaran dan membuat pelawaan atau jemputan. Maksim murah hati lebih bersifat berpusatkan diri sendiri, manakala maksim santun lebih bersifat berpusatkan kepada orang lain. Analisis kajian mendapati terdapatnya contoh-contoh yang boleh dikaitkan dengan cara penggunaan strategi ini.

Contoh 1: (Transkripsi 2)

- O: *maal/ jikanga mijikaidesukara/ tsunahiki dake shimashouka.*
- O: ee/ masa pun agak singkat/ mari kita jalankan acara tarik tali sahaja.
- D: *mareeshiano gakuseimo tsunahiki wo shitte iru shi junbi surunomo kantandashi tadal douguwa dokokara karitekuruka*

sorewo kangaenakereba ikenai to omou.

- D: pelajar Malaysia pun tahu tentang acara tarik tali/ membuat persediaan pun senang/ cuma kita perlu fikirkan dari mana hendak pinjamkan alatan untuk acara itu.
- O: *etoo::tsunahikino dougu nara nihonjingakkou karamo karirarerunode/ daijoubuda to omoimasuga// hayameni bukingu shinai to damedesuyo.*
- O: ee::alatan tarik tali kita boleh pinjam dari Sekolah Jepun/ dan saya fikir tidak ada masalah/tetapi mesti buat tempahan awal jika tidak tak dapat.

Ujaran di atas menunjukkan Encik O menggunakan strategi ini untuk mengajak ahli mesyuarat yang lain untuk memilih acara tarik tali kerana masa tidak mencukupi. Pada dasarnya, Encik O berharap cadangannya diterima oleh orang lain.

Dalam ujaran seterusnya, Encik O membuat tawaran untuk mendapatkan alatan tarik tali secara meminjam daripada Sekolah Jepun. Walau bagaimanapun, beliau memberi peringatan supaya membuat tempahan lebih awal. Ini juga merupakan satu cara penggunaan maksim murah hati yang lebih tertumpu kepada diri sendiri.

Contoh 2: (Transkripsi 3)

- U: *sanshuukan go 120 shika nokottenakute/ hokaniwa chigau tokoro e ichatta//*
- U: selepas tiga minggu ditetapkan hanya seramai 120 orang yang tinggal/ dan selainnya pergi ke tempat lain.
- J, K, M: [*ha ha ha:: damene*]/ *mata / rainenmo kounaruto ... =*
- J, K, M: [*hahaha(ketawa)::tidak boleh begitu*]lagi/ jika berlaku lagi di tahun hadapan...=
=*ikenaindesukeredomo/ rainenwa shokyyuu no zenhan bubun wo/ mousukoshi susumete okitaindesuga.*()
- Y: =tidak boleh jika berlaku lagi/ kerana tahun hadapan kita ingin tambahkan lagi sedikit pelajaran peringkat awal/()
- N: *hayameni kocchimo yuttekurereba/ AAJ ofis ya JPA mo wakattekureru deshou::*
- N: jika cepat beritahu pihak kita di sini/ pejabat AAJ dan JPA pun rasanya memahami masalah ini::
- U: *wakarimashita/ kochiragawa no konnan wo hayameni ofis ni tsutaete okimashou::*

U: saya faham/ kesusahan dari pihak kita dan akan saya sampaikan secepat mungkin kepada pejabat::

Ujaran di atas memperkatakan kemasukan pelajar yang sering menimbulkan masalah di peringkat awal, iaitu tidak semua yang masuk itu akan kekal dan ada yang keluar pergi ke tempat lain. Oleh itu, Encik U membuat penawaran untuk menyelesaikan masalah ini dengan menggunakan strategi penggunaan bahasa *tsutaete okimashou* yang bermaksud menyampaikan perkara itu dengan kadar segera.

Maksim Sokongan

Terdapat perbezaan antara perlakuan bersetuju dengan perlakuan menyokong. Strategi menyokong menurut Leech adalah untuk meminimumkan cacian terhadap orang lain dan memaksimumkan pujian terhadap orang lain. Daripada analisis kajian data yang diperoleh, terdapat beberapa contoh ayat bahasa Jepun yang mengamalkan strategi ini.

Contoh 1: (Transkripsi 2)

U: *mineraru woutaa wo youi surundesuga/ okashiwa imamade nakattandesu/ tokuni hitsuyouga nai to omou// gakuseiwa ohirumo tabeterushi/ sorekara yosanmo naito omoundesuga.*

U: minuman “*mineral water*” akan disediakan/ tetapi sebelum ini kita belum pernah menyediakan makanan ringan/ lagipun pelajar-pelajar sudah makan tengah hari/ dan juga saya fikir belanjawan untuk itu tidak ada.

N: *wakarimashita/ soreja ii desu.*

N: kalau begitu saya faham/ tak mengapa.

L: *ii desune.*

L: baguslah

K: *tsugiwa donna supoutsu wo suruka/ korekara gosoudan wo shimashou// minasan dou omoimasuka?/ mata tsunahiki to bareebooru wo surundesuka mata hokano motto omoshiroi supoutsu wo surundesuka/ zehi an wo ...*

K: seterusnya mari kita berbincang apakah jenis sukan yang ingin dijalankan nanti/ bagaimana pandangan saudara-saudari?/ adakah kita masih jalankan acara tarik tali dan bola tampar atau jalankan acara lain yang lebih menarik/ diharapkan semuanya ...

O: *maa/ jikanga mijikaidesukara/ tsunahiki dake shimashouka.*

- O: ee/ masa pun agak singkat/ mari kita jalankan acara tarik tali sahaja.
- D: *mareeshiano gakuseimo tsunahiki wo shitte iru shi junbi surunomo kantandashi tada/ douguwa dokokara karitekuruka sorewo kangaenakereba ikenai to omou.*
- D: pelajar Malaysia pun tahu tentang acara tarik tali/ membuat persediaan pun senang/ cuma kita perlu fikirkan dari mana hendak pinjamkan alatan untuk acara itu.

Berdasarkan ujaran dalam interaksi di atas, Encik U menjelaskan bahawa pelajar tidak perlu disediakan makanan dengan alasan yang munasabah dan Cik N memahaminya. Manakala ujaran seterusnya, Encik L pula cuba menyokong pendapat yang diberikan oleh U dan memujinya dengan alasan yang diberi. Di sini jelas menunjukkan strategi kesopanan cara menyokong yang dipraktikkan oleh L.

Seterusnya Cik D menyokong saranan ketua guru Jepun, iaitu Encik O supaya menjalankan acara tarik tali. Beliau menguatkan hujahnya dengan menyatakan pelajar Malaysia pun tahu tentang acara tarik tali. Ini bertujuan supaya dapat menarik ahli mesyuarat yang lain untuk sama-sama menyokong saranannya.

Contoh 2: (Transkripsi 2)

- Y: *sutaatowa nanji karaga iidesuka?*
- Y: pukul berapa kita akan bermula?
- K: kinyoubi desukara...=
- K: oleh kerana hari Jumaat/
- Y: =\soudesune kinyoubiwa ojnorimo arushi/ oinoriwa niji goro owarukara sanjini shimashouka/() doudeshouka?
- Y: =\yalah hari Jumaat, terdapat sembahyang Jumaat dan/ sembahyang tamat lebih kurang pukul dua/ kita mulakan pada pukul tiga petang/() bagaimana?
- Y: *soudesune/ sanjini shimashou/ gojihanmadeni owarundeshoune.*
- Y: Yalah/ kita mulakan pada pukul tiga petang/rasanya boleh tamat pada pukul lima tiga puluh minit petang.
- O: *maa/ jikanwa daitai sono gurai desune.*
- O: ya/ jangka masanya lebihkurang begitulah.
- Y: *kakuninnandesuga/hinichiwa rokugatsu sanjuunichide iideshoune?*
- Y: untuk kepastian sahaja/tarikh dijalankannya pada 30 hari bulan

Junkan?

K: *soudesu/choudo yojikanjanaikana:: toomoimasu.*

K: yalah/masa yang terbaik saya fikirkan.

U: *soudesune/dekireba hayameni yatte/* sono chuukan shiken wa shichigatsu chuujun desukara sono hinichi ni yareba daijoubu deshou.

U: Yalah/ kalau boleh cepat jalankan/ kerana pertengahan bulan Julai ada peperiksaan pertengahan semester/baik juga jika dijalankan tarikh tersebut.

S&D: [*sou sou*]

S&D: [*ya, ya*]

K: () *nijikanhan dake desukara/ iideshoune.*

K: () cuma 2 jam setengah sahaja/ okkah?

T, B: [*jaa/ kimemashou*]

T, B: [*baiklah/ kita putuskanlah*]

Petikan mesyuarat di atas menunjukkan ada sokongan terhadap sesuatu cadangan dan perbincangan. Y menanyakan masa bermulanya pertandingan sukan dan K ingin menjelaskan tetapi Encik U sebagai orang yang lebih arif, cuba mencelah dan menerangkan mengapa dipilih hari Jumaat dan masa di sebelah petang. Manakala ujaran seterusnya, Y menyokong dan menjelaskan lagi mengapa ia perlu menyokongnya. K juga menyokong dan menyatakan bahawa masa tersebut adalah masa yang terbaik. Seterusnya U juga menerima maklum balas itu dan berharap dapat dijalankan dengan lebih cepat lagi. Manakala ujaran selepas itu menunjukkan beberapa orang pendengar turut menyokong perkara yang diperbincangkan.

Maksim Kerendahan Hati

Budaya orang Jepun seperti juga budaya orang Melayu yang suka merendah diri apabila diberi pujian. Biasanya, pada kali pertama mereka tidak menjawab ya tetapi *soudesuka* (yakah). Mungkin bagi mereka, jika terus menjawab ya atau berterima kasih, akan menimbulkan tanggapan kurang sopan atau dianggap meninggi diri. Walaupun begitu, mereka masih mengucapkan terima kasih dan juga sering didahului dengan *maaf, terima kasih* apabila menerima pujian atau mendapat sesuatu dari orang lain.

Contoh 1: (Transkripsi 1)

M: = [*sumimasen/ chotto houkokuga arimasu*]

- M: =[minta maaf/ ada sedikit pengumuman]
 K: *douzo*::
 K: silakan::
 M: *arigatougozaimasu// eetodesune/ tamani wareware kyoukano kyouin wa nihongokani kopiikiwo tsukawasete itadaite orimasu/ sono oreiwa mata okane wo ... doudeshoukane:: eetoo ... ukagai shitaindesuga/ sorekara nihongokano ichinenseibeyani aru kokusai denwa wo/ warewaremo tsukatteimasuga oshiharaiwa ima no houhoude iika/ mata ...*
- M: terima kasih//ee/kadang-kadang pihak kami guru subjek menggunakan mesin fotokopi di bilik bahasa Jepun/ dengan kata lain sumbangan atau bayaran ... bagaimana caranya:: eem (berfikir) ingin bertanya/ seterusnya telefon antarabangsa yang ada di bilik guru bahasa Jepun tahun satu kami pun selalu menggunakannya/ cara bayaran yang dijalankan sekarang memadaikah/ atau...
- U: *mata dono teido desuka?/ minasan ii deshoul/sono kopiikimo wareware no AAJno shigotono tameni tsukatteirukara iidesho/ sonna oreitoka okanetoka nihongoka no yosanmo juubundesukara iidesu/ enryonaku tsukaitaitoki tsukatte kudasai//moshi tarinakereba danchouni gosoudan shimasu.*
- U: sistem yang bagaimana?/ semua, tidak mengapa/kita menggunakan mesin fotokopi itu pun untuk kerja di AAJ, bukankah begitu/belanjawan untuk pihak bahasa Jepun masih lagi cukup/ jangan segan-silu gunakannya// jika tidak cukup (wang) saya akan bincangkan dengan ketua guru Jepun.
- H: *ichinenseino kokusaiga tsukaeru denwawal kirokuto/ shiharaiwa watashiga tantou shiteorimasuga// imano tokoro/ kyuuwari mina kirokushite imashita/ kojinyouwa yappari maeto onajide biruwo morattekara matomete kakuji shiyoushitahitoga de/ shigotono kankeiyowa sakini O danchouka U fukudanchouni tsutaete kudasai/ tsumari kyokaga hitsuyoudesu.*
- H: penggunaan telefon antarabangsa di bilik tahun satu/ saya yang bertanggungjawab// merekodkan pembayaran//untuk setakat ini/ 90 peratus telah merekodkannya/jika penggunaan untuk individu seperti yang lalu/ mesti semak dan bayar mengikut bil/ jika berkaitan dengan kerja perlu beritahu Encik O, Ketua Guru Jepun/ atau Encik U/ penolong ketua terlebih dahulu/

dengan kata lain perlu mendapat kebenaran.

K, Y, B: [ee// *sumimasen/ arigatou gozaimashita*]

K, Y, B: [ee// *minta maaf/ terima kasih*]

Dalam ujaran di atas, M merasa perlu diberitahu tentang satu perkara yang berkaitan dengan penggunaan mesin fotokopi dan penggunaan telefon antarabangsa di dalam bilik pengajar bahasa Jepun tahun satu. Penulis berpendapat M cuba mengamalkan konsep merendahkan diri kerana beliau seterusnya menyatakannya dengan nada yang rendah dan agak tersekat-sekat sebutannya. Ini kerana mereka merupakan guru subjek yang berada di bilik lain dan bukannya pengajar bahasa Jepun. Manakala barang di dalam bilik pengajar bahasa Jepun tahun satu adalah untuk kegunaan guru bahasa Jepun tahun satu dan tahun dua berdasarkan belanjawan yang diperuntukkan. Dengan penuh sopan Encik U memberitahu M supaya jangan risau kerana belanjawan masih lagi cukup.

Manakala dalam ujaran seterusnya, rakan-rakan M, iaitu guru subjek dengan merendahkan diri mengucapkan terima kasih dengan menyebut *maaf* terlebih dahulu kerana penjelasan yang positif oleh pihak yang bertanggungjawab.

Analisis di atas memperlihatkan orang Jepun lebih mengutamakan penggunaan bahasa merendahkan diri apabila bertutur dengan orang lain, tidak kira sama ada lelaki mahupun wanita. Walaupun dalam keadaan spontan, mereka senantiasa menjaga ketertiban semasa berinteraksi. Kebanyakan mereka akan menjaga prinsip kesopanan yang terdapat di dalam bahasa Jepun. Ini menunjukkan bahawa kenyataan Leech (1983:156) mengenai prinsip kesopanan merendahkan diri, wujud dalam masyarakat Jepun. Mizutani juga amat menitikberatkan strategi merendahkan diri dan ini juga dibuktikan dalam ujaran-ujaran di atas.

Contoh 2: (Transkripsi 4)

S: *kotoshikara hijoukinno senseini tetsudatteromoratte yokatta to omoimasu// warewaremo enjo dekirushi/ sorekara gakuseimo hitokurasuni sannin no senseiga/ hairunode yorokobimasu.*

S: mulai tahun ini pengajar sambilan dari orang Jepun telah membantu dan sangat memuaskan// ini dapat membantu kita/ seterusnya pelajar pun rasa gembira kerana tiga orang guru/dapat mengajar bagi setiap satu kelas ...

H: *ie/ ie/ ie/ sonnani ... dekirukoto yarimasu keredomo amari dekinainode sumimasen//=*

- H: tidak/ tidak/ tidak/ taklah begitu ... cuma lakukan apa yang boleh sahaja/ tidak begitu membantu/ maafkan kami//=
 U: =[*ie/ senseitachino okagede AAJno gakuseiga/ motto gambaruto omoimasu// idea koukanmo dekirukara//gomennasai/tochuude ...*]
 U: =[tidak/ jasa guru-guru membuatkan pelajar AAJ lebih berusaha/ / dapat pertukaran idea// minta maaf/ menyampuk di pertengahan ...]
 S: *ie/ daijoubudesu/ mou soredake desu/ arigatou gozaimashita//*
 S: tidak/ tak mengapa/ itu saja dari saya/ terima kasih//

Orang Jepun kebanyakannya suka merendah diri apabila berinteraksi. Berdasarkan ujaran itu, Cik H menafikan sama sekali bahawa ia telah banyak membantu guru-guru lain ketika dipuji oleh Cik S dan mengatakan beliau tidak banyak membantu, walau bagaimanapun, beliau berjanji untuk menjalankan tugas mengikut kemampuan yang ada. Walaupun pada hakikatnya Cik H berkebolehan tetapi strategi merendah diri yang digunakan ini akan dapat meningkatkan lagi hubungan antara penutur dengan pendengar. Mereka akan menjaga kesopanan kerana nilai persahabatan tidak boleh dijual beli.

Maksim Persetujuan

Strategi bersetuju juga ditekankan oleh Leech (1983) yang mengutarakan maksim persetujuan. Untuk menuruti maksim persetujuan, sesuatu perkara yang dijelaskan oleh penutur dalam berinteraksi akan cuba mengelakkan perbalahan dan memaksimumkan persetujuan. Pada lazimnya, cara ini akan dapat menghasilkan satu interaksi verbal yang berkesan. Untuk menambahkan keberkesanan sesuatu interaksi itu, strategi kesopanan perlu digunakan. Di sini penulis akan menganalisis interaksi dalam mesyuarat yang dirakamkan berdasarkan maksim persetujuan oleh Leech.

Ujaran di bawah menunjukkan strategi kesopanan yang diamalkan oleh penutur untuk menyatakan persetujuan dalam sesuatu perbincangan.

Contoh 1: Transkripsi 1

- M: *kotoshino gakusei wa/ chanto saishokara 160nin haittekurereba iidesune.*
 M: pelajar pada tahun ini/ jika dari mula seramai 160 orang datang/ alangkah baiknya.

- O: *sorewa murida to omoimasu.*
O: saya fikir itu perkara yang mustahil.
M: [sou sou]
M: [ya ya]

Dalam petikan di atas, M cuba menyatakan satu andaian yang belum pasti hasilnya dan O pula menganggap perkara itu mustahil akan berlaku. Manakala M dan beberapa rakan lain sebulat suara bersetuju dengan menyebutnya serentak. Cara ini juga sering diungkapkan oleh orang Jepun ketika bersetuju dengan sesuatu perbincangan atau kenyataan.

Contoh 2: (Transkripsi 1)

- O: =\ *Hsensei wa tantou desukara/ kuwashiku setsumei shitekudasai.*
O: =\ oleh kerana cikgu H yang bertanggungjawab/ sila terangkan dengan lebih jelas.
H: *hai/ kyonenwa suugaku/ butsurei/ kagaku wo yarimashitaga/ sono suugakuwa nikai tsumari yojikan/ eeto ikkai nijikande/ soshite butsureiwa sankai kagakumo sankai/ soudeshitayoune Tsensei?*
H: ya/ tahun lepas matematik/ fizik/ kimia telah dijalankan/ matematik sebanyak dua kali dengan kata lain 4 jam/ ee:: dua jam untuk sekali/ dan fizik tiga kali/ kimia pun tiga kali/ bukankah begitu cikgu T?
T: *hai/ soudesu/ tashikani.*
T: ya/ begitulah/ pasti.
Y: *soreni shiyou kyoshitsu/ youbi/ jikanmo/ mouikkai kangaesasenakereba ikenaito omoimasuga ...*
Y: tentang penggunaan kelas juga/ hari/ masa pun/ sekali lagi mesti fikirkan betul-betul ...
O: *kono kyoukano tamenonihongono kenwa/ chotto iroiro komakai koto/ arukara/ mouikkai kuwashiku raishuuno onaji kaigide ()/ohanashi shimashou/ ikagadeshouka?*
O: berkaitan dengan bahasa Jepun untuk subjek sains/ ada pelbagai perkara/ yang terperinci perlu untuk () di dalam mesyuarat minggu hadapan/ kita bincangkan nanti/ bagaimana?
J: *soudesune/ kyou/ mou jikanga amari arimasenkara.*
J: yalah/ oleh kerana hari ini pun tidak ada masa.
Y: *wakarimashita/ arigatou gozaimashita.*
Y: saya faham/ terima kasih.

Penggunaan bahasa T dalam ujaran di atas menggambarkan T telah memberikan persetujuan tentang apa yang dijelaskan oleh H dan memaksimumkan lagi persetujuan itu dengan menyebut *tashikani*, iaitu bermaksud pasti.

Dalam ujaran yang seterusnya, J juga menyatakan persetujuan tentang cadangan O yang berkaitan dengan masa yang tidak mencukupi untuk dibincangkan dengan lebih lanjut. Walaupun beliau boleh memper-tikaikannya, J berpendapat bahawa memandangkan O ialah ketua, tentulah perkara yang terbaik sahaja yang dinyatakan oleh beliau. Manakala Y pula memahami keadaan itu dengan menyatakan terima kasih dan faham akan kenyataan Encik O.

Contoh 3: (Transkripsi 1)

- U: *eeto::tsuika nyuugakunokenwa JPA karano iraidel warewareno kyouinno anmo awasete hoshiito/ atode AAJno ofisuni hanashite kimasu.*
- U: ee::untuk pertambahan kemasukan pelajar iaitu permintaan daripada JPA/ kita semua sama-sama mengemukakan cadangan/ selepas itu beritahu kepada pejabat AAJ.
- O: *soudesune/ onegaishimasu.*
- O: yalah/ minta tolong (untuk kerjasama).
- L: *soudesune/ hayameni yuttehoshi desune.*
- L: yalah/ harap-harap dapat diberitahu dengan segera.
- G: *eetoo::iya/ iya/ daijoubudesu.*
- G: ee::tidak / tidak / tidak mengapa.

Maksud contoh petikan di atas menggambarkan persetujuan. Apabila U menyatakan keperluan mengemukakan cadangan kepada JPA, Encik O menyatakan persetujuan dan meminta ia dilaksanakan dengan ungkapan bersantun, iaitu *onegaishimasu*. Manakala L juga bersetuju dengan menambahkan ungkapan yang meminta pemberitahuan cadangan itu dipercepat.

Maksim Simpati

Bersimpati mengikut Leech (1983) ialah cuba memaksimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain. Apabila berinteraksi, seseorang perlu menjaga ketertiban dan memahami maksud yang ingin dijelaskan dan perlu

memahami maksud yang akan dimaklumbalaskan oleh pendengar. Jika tidak, sukar bagi seseorang itu untuk melahirkan rasa simpati dan memahami hajat yang ingin disampaikan oleh pendengar. Kedua-dua penutur dan pendengar harus memainkan peranan utama dalam membentuk situasi beradab sesama mereka.

Contoh 1: (Transkripsi 3)

- U: *eetoodesune/ mazu/ konkai no kaigi dewa/ kotoshi no iro-irona ichinen no keikakuni tsuite hanashitai to omoimasu/ kotoshino atarashii sensei wa kikinkara haken sareta/ gonin/ sorekara mareeshia no sensei wa yonin nandesuga/ ano futariga mada kitenai/ mada-mada tarinaindesune.*
- U: ee/ mula-mula/mesyuarat kali ini/ kita bincangkan tentang pelbagai perkara berkaitan pengajaran/ tahun ini kita menerima lima orang guru yang ditaja oleh Yayasan Jepun/ kemudian guru dari Malaysia seramai empat orang tetapi dua orang belum datang lagi/ nampaknya masih belum mencukupi.
- S: *sou desune/ atarashii sensei/ eetoo:: nanninka kitekurereba/ tasukarimasuga ofiskara mo/ hakkiri kotaerarenaindesu.*
- S: yalah/ guru baru/ ee::jika datang beberapa orang lagi/ dapatlah membantu kita tetapi pihak pejabat pun/ tidak dapat memberikan jawapan yang tepat mengenai perkara ini.
- H: *mata rainen gakuseiga fueru kamoshirenaine/ () maa/ nantoka shimasune.*
- L: tahun depan pelajar mungkin akan bertambah/ () baiklah/ kita lakukan apa yang patut.

Dalam ujaran di atas, U cuba menerangkan pandangannya tentang masalah kekurangan guru bahasa Jepun dan berharap ia dapat diatasi, memandangkan beliau sebagai ketua guru bahasa Jepun, agak kecewa dengan masalah ini. Seterusnya S pula menunjukkan simpatinya dengan menyatakan masalah yang dihadapi memerlukan tindakan yang sepatutnya. Manakala H juga menunjukkan rasa simpati dengan memberi semangat dan harapan semoga pada tahun hadapan perkara sedemikian tidak akan berulang lagi.

Contoh 2: (Transkripsi 3)

- Y: *=/ikenaindesukeredomo/ rainenwa shokyuu no zenhan bubun wo/ mousukoshi susumete okitaindesuga.()*

- Y: =tidak boleh jika berlaku lagi/ kerana tahun hadapan kita ingin
tambahkan lagi sedikit pelajaran peringkat awal/()
- N: *hayameni kocchimo yuttekurereba/ AAJ ofis ya JPA mo
wakattekureiru deshou::*
- N: jika cepat beritahu pihak kita di sini/ pejabat AAJ dan JPA pun
rasanya **memahami masalah ini::**
- U: *wakarimashita/ kochiragawa no konnan wo hayameni ofis ni
tsutaete okimashou::*
- U: saya faham/ kesusahan dari pihak kita dan akan saya sampaikan
secepat mungkin kepada pejabat::

Ujaran di atas merupakan kesinambungan daripada ujaran yang sebelumnya yang membincangkan masalah kemasukan pelajar yang tidak tetap dan ada yang masuk dan ada yang keluar selepas menerima tawaran yang lain. Selaku guru yang bertanggungjawab tentang kemasukan pelajar tahun satu atau pelajar baru, N mencadangkan supaya diambil tindakan sewajarnya untuk mengatasi masalah ini. Ujaran U selaku Ketua Guru Bahasa Jepun, menggambarkan rasa simpati terhadap masalah ini dengan menyatakan beliau faham dan akan mengambil tindakan segera untuk mengatasi kesusahan yang dialami. Cara ini juga sering diungkapkan oleh orang Jepun ketika bersimpati atas sesuatu masalah yang timbul.

Strategi Kesantunan Mengikut Mizutani

Mizutani berpendapat bahawa dalam pergaulan sehari-hari, strategi berinteraksi dengan memberikan penekanan kepada ungkapan dan penggunaan ayat yang bersopan berdasarkan konteks dan jenis kumpulan pendengarnya. Faktor usia, pangkat atau kedudukan telah membezakan cara penggunaan ungkapan dalam berinteraksi.

Contoh 1: (Transkripsi 4)

- F: *sensei/ waruideasuga/ maeni suwareba motto kikoeru to
omoimasuga::yoshiidesuka/ sumimasen//*
- F: cikgu/ tidak baik kerana mengganggu/ boleh duduk di depan
kerana saya rasa lebih dengar::bolehkah/minta maaf//
- M, K: *[sou sou/ onegaishimasu//]*
- M, K: *[ya ya/ minta tolong//]*
- U: *sou desuka.OK.*
- U: Yakah/baiklah.(bergerak ke depan)
- N: *sumimasen//*

N: minta maaf//

Ujaran di atas menunjukkan F menggunakan strategi kesantunan untuk meminta Ketua Guru Bahasa Jepun yang lebih berusia dan berpangkat daripadanya untuk duduk di bahagian hadapan. Manakala M dan K pula mengukuhkan lagi permintaan itu dengan menyatakan minta tolong dan strategi itu telah berjaya menarik perhatian Encik U. Ketua Guru Bahasa Jepun, iaitu Encik U bersetuju dan beliau mengikut permintaan tanpa soal. Manakala ujaran seterusnya, N pula meminta maaf atas perkara tersebut. Inilah antara contoh kesantunan yang sering dipraktikkan oleh orang Jepun ketika berinteraksi.

Contoh 2: (Transkripsi 2)

- A: *minasan/ zenzen goiken dasarenai senseigata/ yoro-shiideshouka/ minna sansei deshouka.*
- A: semua yang hadir/ bagaimana dengan mereka yang langsung tidak memberi cadangan/tidak ada masalahkah/ adakah semuanya bersetuju?
- K, J, B: [ee]
- K, J, B: [ya]
- K: *tsunahiki no yarikatawa kantan desuga/ hijouni omoshiroi to omoimasu.*
- K: acara tarik tali agak mudah/ dan sangat menarik.
- U: *hai/wakarimashita/ sosuru to tsunahiki ni kimemashou/yarikata to shiai no shikata wa Ksenseini makasemashou.*
- U: baiklah/ saya faham/ oleh itu kita tetapkan acara tarik tali. Cara mengendalikan sukan ini saya serahkan kepada Cikgu K untuk menyediakannya.

Dalam ujaran di atas, A selaku pengerusi mesyuarat menggunakan ungkapan *yoroshii deshouka* (tidak ada apa-apa masalahkah). Biasanya ungkapan ini digunakan dalam situasi kesantunan, iaitu menghormati orang yang dianggap lebih tua daripadanya. Manakala *dou deshouka* (bagaimana, bersetujukah?) pula merupakan ungkapan pertanyaan yang lembut dan digunakan untuk mengetahui keinginan maklum balas daripada pihak lain dengan bertanya kepada ahli mesyuarat sama ada mereka ada cadangan lain atau tidak. Ujaran di atas jelas menunjukkan Encik K juga menggunakan strategi kesantunan, iaitu ungkapan *to omoimasu* (saya fikir) dalam memberikan maklum balas. Walaupun ia bukanlah suatu kewajipan untuk

menggunakan strategi kesantunan ini tetapi penggunaannya ketika berinteraksi akan menimbulkan suasana yang harmoni, tidak kira dalam mesyuarat rasmi atau tidak rasmi.

Seterusnya, Mizutani melihat kedudukan *kouhai* (*yang junior*) dan *senpai* (*yang lebih senior*) sebagai faktor penting yang menjadi pemisah antara dua perkara, iaitu faktor umur dan taraf sosial. Seseorang *senpai* yang berumur lebih muda daripada *kouhai* agak sukar untuk bertutur dengan menggunakan bahasa biasa kerana umur mereka lebih muda. Oleh itu, mereka mesti memilih strategi kesantunan berbahasa yang sesuai demi menghormati umur pendengar itu.

Contoh 1: (Transkripsi 3)

- F: *ano:: nihonjin gakkouno kouryuukai ni tsuite kotoshiwa ikagadesuka?// eeto::*
- F: aa:: bagaimana dengan program persahabatan pelajar sekolah Jepun ?//ee::=
- G: =\eetoodesune/ kyonen mo attandesuga/ kotoshiwa chotto gakuseikarano hanseimo yokunaikara/ mouichido kangaemashou.
- G: =\ee/tahun lepas dijelankannya/pada tahun ini setelah mendengar komen daripada pelajar AAJ mengatakan kurang berkesan/ marilah kita mengkaji semula.
- T: [sou desune]
- T: [yalah]

Penggunaan bahasa Encik F (*senpai*, iaitu lebih senior tetapi umurnya lebih muda) dalam ujaran bertanya kepada Encik G (*kouhai* tetapi umurnya lebih tua daripada F) tentang program persahabatan dan beliau menggunakan ungkapan *ikaga desuka*, iaitu ungkapan bersopan untuk bertanyakan bagaimana, dan *eeto* untuk menantikan maklum balas.

Dalam ujaran seterusnya, G menjelaskan dengan nada yang bersopan kerana menganggap F ialah *senpai* (lebih senior walaupun umurnya lebih muda darinya). Inilah yang perlu ada pada seseorang, iaitu saling menghormati dalam penggunaan ungkapan berbahasa supaya tidak timbul perasaan sombong mahupun berkasar.

Strategi Kesopanan Menerusi Penggunaan *Aizuchi*

Mizutani dan Neustupny juga telah membincangkan perkara yang berkaitan

dengan *aizuchi*. Peranan *aizuchi* adalah penting dan mempengaruhi cara berinteraksi. Dalam mesyuarat sesama pengajar Jepun di AAJ juga dapat dilihat penggunaan *aizuchi*, sama ada digunakan oleh pengerusi mesyuarat, peserta mahupun Ketua Guru Jepun. Ungkapan *aizuchi* sedikit sebanyak telah mempengaruhi mesyuarat, sama ada dari segi membuat keputusan, menerima cadangan mahupun menyetujui sesuatu perkara yang dibincangkan.

Contoh 1: (Transkripsi 3)

- U: *kyouwa sukoshi atsui desune:: jaa/ mazu renraku desu//*
U: hari ini cuaca agak panaslah:: baiklah/ mula-mula ada pengumuman//
Y, D, K: [hai]
Y, D, K: [ya]
U: *eetoodesune/ mazu/ konkai no kaigi dewa/ kotoshi no iro-irona ichinen no keikakuni tsuite hanashitai to omoimasu/ kotoshino atarashii sensei wa kikinkara haken sareta/ gonin/ sorekara mareeshia no sensei wa yonin nandesuga/ ano futariga mada kitenai/ mada-mada tarinaidesune.*
U: ee/ mula-mula/mesyuarat kali ini/ kita bincangkan tentang pelbagai perkara berkaitan pengajaran/ tahun ini kita menerima lima orang guru yang ditaja oleh Yayasan Jepun/ kemudian guru dari Malaysia seramai empat orang tetapi dua orang belum datang lagi/ nampaknya masih belum mencukupi.
S: *sou desune/ atarashii sensei/ eetoo:: nanninka kitekurereba/ tasukarimasuga ofiskara mo/ hakkiri kotaeraindesu.*
S: yalah/ guru baru/ ee::jika datang beberapa orang lagi/ dapatlah membantu kita tetapi pihak pejabat pun/ tidak dapat memberi jawapan yang tepat mengenai perkara ini.

Ujaran di atas menunjukkan tiga orang pengajar, iaitu Y, D dan K menyatakan *aizuchi* yang bermaksud ya kepada Encik U selaku penolong Ketua Guru Jepun menandakan bersetuju supaya beliau memulakan mesyuarat dan menyampaikan pengumuman. Manakala ujaran seterusnya, penerapan *aizuchi* “*sou desune*” bermaksud yalah, bertujuan untuk menarik perhatian dan menyatakan sesuatu kepada perbincangan yang dibangkitkan. Jika S tidak menggunakan *aizuchi* pun perbincangan itu boleh berjalan tetapi perhatian peserta akan lebih dan menimbulkan keyakinan untuk berinteraksi dan memberikan pendapat.

Contoh 1: (Transkripsi 4)

- U: *hontouni dekinainoga rokuninnan desuga/sonogakuseiga
hontouni sugoku hikui tenwo/ kono aida no chuukanshiken de
tottandesu*
- U: yang betul-betul lemah seramai enam orang/ pelajar-pelajar itu
mendapat markah/ yang sangat buruk di dalam peperiksaan
pertengahan baru-baru ini.
- M: [*sou desuka*]
- M: [yakah]
- K: *sou desune::maa/ ichinensei no senseiga wakaranaito omounode/
mata ninenseino chuukanno seiseki wo kopii shite watashimasu//*
- K: yalah::ah/ guru tahun satu mungkin tidak tahu akan markah itu/
sila fotokopi keputusan peperiksaan peringkat pertengahan tahun
dua dan sila beri kepada mereka//

Ujaran di atas menunjukkan M menyebut *sou desuka* tentang maklumat perbincangan yang disampaikan oleh U, dan K pula menyebut *sou desune* sebagai membantu M yang mungkin tidak tahu akan perkara itu. Jika K tidak menggunakan *aizuchi*, tumpuan M mungkin terganggu kerana kurang memahami perkara yang dicakapkan U.

Konsep *aizuchi* ini juga sering dipraktikkan orang Jepun dan mereka yakin bahawa penggunaan *aizuchi* dalam interaksi mampu mengeratkan lagi hubungan antara penutur dengan pendengar. Dalam mendaulatkan kesantunan berbahasa, sudah tentu ketidakpekaan terhadap bahasa itu akan berlaku. Walaupun ia bukanlah menjadi kemestian bagi seseorang mengawal pertuturan setiap saat apabila bertutur dengan orang lain, penggunaan strategi kesopanan ketika berinteraksi akan meningkatkan lagi martabat diri seseorang itu.

Analisis di atas menunjukkan bahawa penutur berbangsa Jepun sentiasa mengawal interaksi verbal mereka dengan menggunakan bahasa-bahasa yang lebih sopan. Ini dapat dilihat melalui strategi-strategi kesopanan yang dikemukakan dan dibincangkan di atas.

DAPATAN KAJIAN

Strategi kesopanan berdasarkan petunjuk maksim Leech dan konsep kajian kesantunan Mizutani dan konsep *aizuchi* merujuk kepada nilai-nilai kesopanan seperti bersetuju, murah hati, memberi sokongan, bekerjasama,

merendah diri, maklum balas dan simpati. Nilai-nilai ini dapat dilihat melalui strategi kesopanan yang digunakan dalam interaksi sesama penutur berbahasa Jepun.

1. Strategi Kesopanan Maksim Santun

Implikasi daripada kajian berdasarkan strategi ini adalah dari segi penjagaan adab ketika berinteraksi. Peserta mesyuarat memilih bahasa yang hendak digunakan dengan teliti supaya tidak menyinggung peserta lain. Hasil daripada kajian ini mendapati penutur dan pendengar saling bekerjasama dalam berinteraksi supaya dapat memberikan maklum balas yang tepat mengenai perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat. Setiap peserta diingatkan oleh pengerusi mesyuarat supaya sentiasa peka kepada perjalanan mesyuarat supaya dapat memberikan idea-idea dan pendapat sekiranya diperlukan.

Orang Jepun suka memulakannya dengan ungkapan meminta maaf terlebih dahulu sebelum memberikan respons atau menjawab pertanyaan yang diutarakan. Strategi ini juga membantu orang Jepun yang ingin melahirkan rasa tidak bersetuju tentang sesuatu cadangan atau idea yang dikemukakan dalam mesyuarat. Walau bagaimanapun, mereka tidak membantah secara langsung sama ada menggunakan bahasa pertuturan biasa atau bahasa kasar, tetapi mereka cuba menggunakan strategi bersopan kerana tidak ingin menyinggung perasaan ahli mesyuarat yang lain, khususnya mereka yang memberikan cadangan. Cara mereka menyoal juga didapati menggunakan bahasa yang dapat menarik perhatian peserta lain dan tidak menyinggung perasaan mereka.

2. Strategi Kesopanan Maksim Murah Hati

Implikasi yang diperoleh daripada strategi ini ialah orang Jepun juga membuat satu pelawaan yang memberi faedah kepada diri sendiri. Mereka akan cuba menggunakan bahasa yang bersopan supaya tawaran yang ditujukan kepada peserta lain demi kebaikan dirinya tidak disalah anggap.

Walaupun tidak begitu ketara digunakan tetapi mereka juga cuba menarik perhatian orang lain kepada diri mereka. Sekurang-kurangnya cadangan atau usul yang diberikan tidak disisihkan begitu sahaja oleh ahli mesyuarat.

3. Strategi Kesopanan Maksim Sokongan

Penggunaan strategi maksim sokongan ini dapat melicinkan perjalanan

mesyuarat tersebut dan dapat mencapai satu matlamat mesyuarat yang dikehendaki. Orang Jepun yang dilantik menjadi pengerusi mesyuarat akan cuba mengawal ahli-ahli mesyuarat yang lain supaya menumpukan perhatian kepada mesyuarat dan topik yang dibincangkan supaya dapat memberikan sokongan apabila mereka diminta berbuat demikian. Ini dapat mewujudkan satu sikap yang bersopan apabila keluar berdampingan dengan masyarakat.

4. Strategi Kesopanan Maksim Kerendahan Hati

Seterusnya, daripada kajian ini dapat dinilai sejauh mana sikap merendah diri ini diterapkan oleh penutur bangsa Jepun dengan menggunakan bahasa sopan dalam pertuturan dan pergaulan harian terutama ketika bermesyuarat.

Dapatan kajian juga memperlihatkan cara pengerusi mengawal mesyuarat dengan Ketua Guru Jepun supaya mesyuarat dapat berjalan dengan lancar tanpa berlaku sebarang kelakuan yang boleh melanggar prinsip kesantunan berbahasa kerana mereka menggunakan bahasa yang menunjukkan sikap merendah diri sebelum dan selepas menyatakan sesuatu cadangan atau pendapat.

5. Strategi Kesopanan Maksim Persetujuan

Implikasi yang diperoleh daripada analisis di atas juga menunjukkan bahawa orang Jepun akan bergerak seperti dalam kumpulan apabila menyetujui sesuatu perkara yang dibincangkan. Cara begini dapat mengelakkan konflik dan mewujudkan suasana harmoni dalam mesyuarat.

Jika mesyuarat terganggu dengan rasa tidak setuju atau bantahan, sudah tentu perjalanan mesyuarat itu tidak akan tamat mengikut masa yang diperuntukkan. Penggunaan ungkapan terima kasih juga sering diucapkan oleh mereka kepada seseorang yang memberikan cadangan dalam mesyuarat. Ini merupakan satu cara memberikan penghargaan kepada mereka yang mengemukakan cadangan.

6. Strategi Kesopanan Maksim Simpati

Dapatan kajian menunjukkan penekanan strategi bersimpati dalam kajian ini bertujuan untuk mengelakkan perasaan berkecil hati atau kecewa apabila terdapat masalah yang tidak dapat diselesaikan. Manakala sikap bersimpati yang ditunjukkan oleh penutur Jepun dengan cara memberikan semangat dan harapan kepada mereka yang melakukan kesilapan dalam kerja-kerja yang lepas supaya mereka tidak mengulangi kesilapan yang sama lagi.

7. Strategi Kesopanan Berdasarkan Konsep *Aizuchi*

Dapatan kajian menunjukkan penggunaan strategi ini dapat membantu pengerusi mesyuarat mengawal perjalanan mesyuarat kerana mendapat kerjasama daripada peserta yang menggunakan *aizuchi* untuk mempersetujui atau menyokong sesuatu cadangan. Penggunaan *aizuchi* juga dapat membantu Ketua Guru Jepun ketika meminta persetujuan mengenai sesuatu cadangan dan juga apabila meminta pertolongan mereka menjalankan sesuatu aktiviti.

KESIMPULAN

Analisis bahasa semula jadi banyak memberikan maklumat yang berguna seperti nilai, kepercayaan, amalan budaya sesuatu golongan melalui pembabitan mereka dalam interaksi verbal. Kajian ini boleh membantu pembaca memahami budaya berbahasa sesuatu bangsa, terutamanya mengetahui penggunaan jenis-jenis ungkapan yang sesuai ketika memulakan sesuatu mesyuarat dengan lebih mendalam. Seterusnya, dengan mengenal pasti ciri-ciri kesantunan berbahasa serta strategi yang digunakan oleh orang Jepun semasa berinteraksi, kajian ini dapat mencetuskan idea yang sesuai untuk digunakan semasa berinteraksi atau berurusan dengan penutur berbangsa Jepun. Kajian ini juga jelas memperlihatkan bahawa kesantunan berbahasa sememangnya perlu dalam berinteraksi antara satu sama lain.

RUJUKAN

- Agnes M. Niyekawa, 1991. *Minimum Essential Politeness*. Tokyo: Kondansha International.
- Ainon Mohd, 1997. "Bahasa untuk Memuji" dlm. *Pelita Bahasa*, Edisi 3, November, 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ajid Che Kob, 1991. *Etnografi Komunikasi: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1988. *Language and Society in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1993. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bilbow Graham, 1995. *Requesting Strategies in the Cross Cultural Business Meeting in Pragmatic*. International Pragmatics Association.
- Grice, H.P., 1975. "Logic and Conversation" dlm. *Cole and Morgan* (195:41–58).
- Jamaliah Mohd Ali, 1991. *Working Paper No.9*. University of Goteborg, Sweden.

- Jamaliah Mohd Ali, 1995. "Malaysian Student Seminar: A Study of Pragmatic Features in Verbal Interaction". Tesis PhD, Universiti Malaya.
- J.V. Neustupny, 1987. *Communicating with the Japanese*. Tokyo: The Japan Times.
- Leech Geoffrey, 1983. *The Principles of Pragmatics*, London: Longmans.
- Nihon tateyoko (Japan as it is) 1985. Gakken, Tokyo.
- Nor Hashimah Haji Jalaluddin, 1992. *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Osamu Mizutani dan Nobuko Mizutani, 1987. *Politeness in Japanese*, The Japan Times.
- Osamu Mizutani, 1981. *The Spoken Language in Japanese Life*, The Japan Times.
- Osamu Mizutani, 1979. *Aural Comprehension Practice in Japanese*, The Japan Times.
- Sacks, H., E. A. Schegloff dan G. Jefferson, 1974. *A Simplest Systematics for the Organisation of Turn-taking in Conversation*, The Free press.
- Searle, J.R., 1969. *Speech Acts*. London & New York: Cambridge University Press.
- Tetsuro, Morimoto, 1986. *Nihongo ura to omote*. Tokyo: Shinkousa Press.
- Zaharah Abd Ghafar, 1994. *Makna dan Konteks*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.